

29/07/2001

Yang mana dulu - Pas atau syurga?

MINGGU lepas Kiau kata Kiau tidak mahu lagi kritik, herdik atau sindir orang Melayu. Kiau kata kalau kita kritik, kita herdik dan kita sindir orang Melayu kerap sangat, syiar orang Melayu akan jatuh.

Orang Melayu akan hilang keyakinan kepada diri mereka sendiri dan orang bukan Melayu yang kurang yakin dengan orang Melayu akan tidak yakin langsung kepada orang Melayu.

Jadi kita cakap tentang contoh-contoh syiar orang Melayu macam kejayaan Proton dan projek-projek lain yang dipelopori dan dipimpin oleh orang Melayu.

Malangnya macam mana hebat pun Kiau cuba, keburukan orang Melayu tidak boleh ditutup. Ada saja yang mendedahkan keburukan mereka.

Bukan orang Melayu itu buruk. Yang buruk ialah sikap orang Melayu. Kiau tidak percaya Allah Taala jadikan sesuatu kaum atau bangsa itu buruk. Kalau sesuatu kaum atau bangsa buruk, kaum dan bangsa itulah yang menyebabkan diri mereka jadi buruk.

Maafilah kalau Kiau pinjam pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kata orang Melayu mudah lupa. Pada pandangan Kiau, orang Melayu mudah lupa pasal orang Melayu malas berfikir.

Jadi apabila ada orang kata masuk sesebuah parti tertentu boleh cerahkan harapan masuk syurga, mereka percaya. Apabila orang kata masuk parti lain pula jadi kafir, mereka percaya juga.

Kalau orang Melayu rajin sikit berfikir, tentulah tidak masuk akal bahawa masuk syurga itu harus melalui parti politik, apatah lagi parti politik tertentu. Apa halnya dengan orang Islam di India, Indonesia, Arab Saudi dan di banyak lagi negara Islam yang tidak masuk parti itu?

Bagaimana pula dengan sahabat-sahabat Rasulullah yang berjuang hidup mati dengan baginda? Apakah mereka tidak ada harapan masuk syurga sebab mereka hidup dan wafat sebelum parti itu ditubuhkan?

Parti yang Kiau maksudkan itu ialah Pas. Atau lebih tepat Pis (Parti Islam SeMalaysia). Kalau Pas jadilah Parti Aslam SeMalaysia.

Yang Kiau percaya ialah Pas bukan bercakap tentang syurga di akhirat. Pas cakap tentang syurga dunia. Syurga apabila Pas pemerintah negara ini. Sekarang pun pemimpin Pas bukan macam dulu lagi. Sudah pakai kereta besar, duduk di hotel besar dan melawat negara orang putih.

Kiau boleh kata Kiau kenal sangat dengan Pas. Dari kecil lagi Kiau hidup di kampung di mana parti ini sangat kuat. Suku sakit Kiau ramai yang sokong parti ini. Sekarang pun kampung tempat Kiau dilahirkan diperintah oleh Pas.

Baru-baru ini Kiau dengar cerita orang di sebuah kampung Pas dekat kampung Kiau sedih pasal wakil rakyat mereka bagi RM100 apabila mereka buat kenduri sembelih lembu dan jempot YB dengan tujuan hendak minta bantuan komputer.

Tapi YB bagi RM100 saja. Kerana sayang sangat kepada YB, ketua Pas tempat itu kata YB tak boleh bagi banyak derma pasal sebagai wakil rakyat pembangkang, kerajaan cukai dia lebih daripada orang lain. Inilah cerita karut orang yang nak pimpin orang lain masuk syurga.

Dari tahun 1969 lagi, ibu bapa Kiau dicap kafir sebab tidak sokong mereka. Mereka berderet datang rumah Kiau untuk kempen teriak (menangis) kononnya hendak selamatkan keluarga Kiau daripada murtad.

Kalau Pas sibuk merentas jalan ke syurga, golongan muda Melayu pula khabarnya sudah mula puja syaitan kerana dipengaruhi muzik Black Metal.

Kiau tidak tahulah berapa ramai orang Melayu yang faham atau pernah dengar muzik Black Metal. Dan Kiau sendiri pun tidak tahu sejauh mana betul cakap-cakap kononnya ramai anak muda Melayu sudah dipesongkan oleh Black Metal.

Tiba-tiba saja bapa menteri dan emak menteri sibuk, seolah-olah tidak ada kerja lain yang hendak dibuat selain bercakap tentang Black Metal. Sampaikan Kabinet pun khabarnya adakan perbincangan khas mengenai Black Metal.

Kiau tak kata kita tak boleh bincang, tak boleh selidik atau tak boleh ambil tindakan terhadap gejala Black Metal ini. Tapi janganlah cakap sekadar seronok saja. Kita kenalah tahu apa yang kita cakap.

Dulu kita heboh pasal orang muda kita melepak. Kita pun tubuh jawatankuasa itu dan ini. Kita buat kempen itu dan ini. Tapi kalau tidak salah Kiau, mereka melepak juga. Ramai dah lupa bohsia dan bohjan.

Sekarang Black Metal pula. Kiau tidak tahulah berapa lama isu ini akan kekal. Boleh jadi seminggu dua lagi lupalah.

Isu yang Kiau rasa lebih berat ialah jenayah. Nampaknya jenayah semakin meningkat dan teruk di negara kita. Hatta jenayah meragut beg tangan pun sudah menjadi begitu serius, begitu teruk hingga ada mangsa yang sudah terbunuh.

Kiau merayu dan mintalah kepada polis, janganlah tunggu sampai orang mati baru hendak anggap jenayah ragut ini sebagai jenayah besar. Kiau minta KPN gunalah anggota polis wanita yang comel-comel itu menyamar sebagai wanita genit bawa beg tangan dan jalan di Bangsar, Chow Kit, KLCC dan Bukit Bintang supaya dia boleh tahu betapa meluasnya kegiatan meragut ini.

Janganlah apabila media massa membangkitkan, polis kata jenayah itu belum teruk. Janganlah apabila sudah teruk baru hendak bertindak. Kiau rasa membanteras lebih baik daripada menyelesaikannya.

Satu lagi perkara yang hendak Kiau sentuh ialah keganasan. Kiau rasa bukan wanita saja yang tentang keganasan. Dalam masyarakat yang bertamadun, semua orang wajib tentang segala bentuk keganasan. Tidak kiralah keganasan kepada wanita, remaja atau kanak-kanak.

Memanglah betul ramai wanita jadi mangsa kekejaman lelaki tapi adakalanya juga lelaki jadi mangsa kekejaman wanita dan wanita sendiri lakukan kekejaman kepada remaja dan kanak-kanak.

Janganlah kita fikir political correctness sampai takut nak cakap terus terang. Kita hendaklah berani hadapi kenyataan. Hakikatnya, kita semua benci dan kita semua menentang keganasan.

Macam manapun Kiau harap kempen wanita tentang keganasan (Wave) akan berjaya. Di sini Kiau sokong guna SMS. Apabila kena dera, SMS Datuk Shahrizat Jalil minta tolong.

(END)